



PELAJAR praktikal wajar diberi elaun kerana turut menyumbang tenaga dan kemahiran dalam sebuah organisasi. — GAMBAR HIASAN



BAGI pelajar yang tidak memiliki kendaraan sendiri, mereka terpaksa menggunakan pengangkutan awam untuk pergi balik ke tempat latihan industri. — GAMBAR HIASAN

Pelatih industri tidak lagi perlu terus bergantung duit PTPTN, bantuan ibu bapa

'Elaun RM800, bolehlah kami bernafas'

Oleh MOHD. SHARKAWI LONDING,
NUR ALWANI ZAFIRAH KHAIRUL,
MUHAMMAD NAJIEB AHMAD
FUAD, KAMALIZA KAMARUDDIN
dan ABDUL RAZAK IDRIS

PETALING JAYA — Pemberian elaun perantisan minimum RM800 sebulan kepada pelatih industri di pejabat kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dapat membantu keberlangsungan hidup pelajar universiti sepanjang tempoh latihan.

Rata-rata pelajar juga menganggap pemberian elaun itu dapat meringankan beban mereka terutama daripada keluarga B40 kerana tidak perlu lagi bergantung sepenuhnya kepada pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Di **Johor Bahru, Johor**, Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Nadratul Huda Ahmad berkata, keberadaan pelajar setiap hari pada waktu bekerja memerlukan pelbagai

kos antara pengangkutan, penginapan dan makan minum.

"Perlu diingatkan, bukan semua pelajar berasas baik mendapat tempat latihan industri yang berhampiran rumah.

"Maka dalam keadaan ini, elaun latihan industri merupakan suatu keperluan yang penting bagi meringankan beban dan bukan sekadar kehendak pelajar," katanya kepada Kosmo!.

Timbalan Naib Dipertua Sukan dan Sukarelawan MPP UTM, Noor Afham Noor Azman, 23, berkata, ketika ini pelajar yang melakukan latihan itu bergantung dengan pinjaman PTPTN sebagai perbelanjaan untuk ulang-alik ke tempat latihan industri.

"Elaun sebanyak RM800 itu sangat-sangat memberi satu senyuman di wajah kami terutamanya yang tergolong dalam kalangan keluarga B40.

"Saya pelajar jurusan Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan dan Pendidikan di UTM, kami buat latihan industri di sekolah, me-

Elaun RM800 untuk pelajar praktikal GLC

POTRET — Elangku, pelajar praktikal industri yang merantau keluar negeri ke Singapura (GLC) untuk melanjutkan pengajian sijil pertama dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi. Dari situ, dia akan pulang ke Malaysia. Berdasarkan pengalaman pelajar praktikal industri di Singapura, dia merasakan pentingnya mendapat bantuan tambahan agar ia mampu bertahan di sana. — Gambar: Nur Adiba Anisah Anuar

KERATAN Kosmo! kelmarin.

ngajar murid-murid sama seperti warga pendidik lain," ujarnya.

Di **Putrajaya**, seorang bekas pelatih industri, Fatin Umairah Abdul Hamid, 23, berkata, sebelum ini dia menjalani latihan industri di sebuah agensi kerajaan dan memperoleh elaun RM300 sehingga RM500 sebulan.

Katanya, elaun itu hanya cukup makan minum sahaja sehingga terpaksa meminta sedikit wang saku daripada ibu bapa.

"Dengan elaun yang diperoleh, saya gunakan untuk membeli barang keperluan, isi minyak ken-

deraan, bayaran tol, tiket parkir serta makan sehari-hari.

"Apabila duit habis, kebiasaan ibu bapa akan tanggung, kadang-kadang RM100 hingga RM200 setiap minggu," katanya.

Pelajar tahun tiga Ijazah Sarjana Muda Komunikasi sebuah universiti, Nur Adiba Anisah Anuar, 23, berkata, pemberian elaun RM800 sebulan itu memberikan semangat kepada mahasiswa untuk menjalani latihan industri.

"Saya sendiri juga akan mengikuti latihan industri tahun depan, dan semestinya bermula sekarang saya akan memilih tempat latihan industri.

"Seujurnya kalau dahulu, ramai dalam kalangan mahasiswa takut dan kurang berminat untuk menjalani latihan industri di organisasi kerajaan sebab kebanyakannya tidak memberi elaun.

"Dengan pengumuman baik oleh Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim), saya yakin mahasiswa akan memilih organisasi kerajaan atau GLC," katanya.

Di **George Town, Pulau Pinang**, pelajar tahun tiga Ijazah Sarjana Muda Komunikasi, Muhammad Nur Akmal Mohd. Rizal, 23, berkata, elaun itu relevan dengan kos kehidupan seorang pelajar secara bulanan.

Bagaimanapun, dia beranggapan jika tempat latihan industri itu di kawasan bandar-bandar seperti Johor Bahru dan Kuala Lumpur, kadar tersebut masih belum cukup.

"Cukup atau tidak, bergantung kepada tempat. Jika di Kuala Lumpur, sudah pasti kos sara hidup tinggi, sewa bilik sahaja sekitar RM400 sebulan," katanya.

Jumaat lalu, Anwar mengumumkan pelatih industri di pejabat kerajaan dan GLC akan menerima elaun perantisan minimum RM800 sebulan.

Katanya, secara tradisinya pelatih industri tidak diberikan bayaran, namun elaun itu penting terutama bagi mereka yang datang daripada keluarga tidak berkemampuan.

Pelajar mohon elaun praktikal diperluas ke sektor swasta

KUALA TERENGGANU — Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Terengganu (UMT) berharap dasar pemberian elaun praktikal sebanyak RM800 sebulan kepada pelatih industri dapat diperluas ke syarikat swasta.

Yang Dipertua MPP UMT, Muhammad Hisyamuddin Sazali berkata, pemberian itu membolehkan lebih ramai pelajar universiti yang mengikuti latihan industri menikmati faedahnya.

"Penetapan elaun praktikal sebanyak RM800 sebulan wajar diselaraskan selaras situasi

ekonomi semasa bagi meringankan beban pelajar terutama dalam kalangan keluarga kurang berkemampuan," katanya.

Di **Shah Alam, Selangor**, Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM), Yusuf Hassan memberitahu, elaun itu wajar melibatkan sektor swasta memandangkan ramai pelajar praktikal terkesan dengan kos sara hidup.

"Elaun sekurang-kurangnya RM800 sebulan ini patut dilaksanakan oleh pihak swasta.

"Keseimbangan perlu ada

kerana pelajar praktikal sudah tentu akan turut memilih sektor swasta sebagai tempat latihan industri mereka," ujarnya.

Pelajar tahun dua Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan dan Jaminan Maklumat) UiTM, Muhammad 'Adnin Ali Huddin, 22, berkata, masih banyak bidang pengajian di universiti yang tidak dapat diselaraskan dengan peluang latihan industri di organisasi kerajaan.

Katanya, ia menyebabkan sebahagian mahasiswa tidak akan merasai inisiatif elaun tersebut.

"Sebagai pelajar keselamatan siber, elaun perintisan ini kami tidak dapat rasai sebab jurusan kami ini, peluang pekerjaan dalam syarikat berkaitan kerajaan sangat rendah.

"Jadi masih ramai antara kami akan menjalankan latihan industri di syarikat swasta, namun inisiatif yang diumumkan kerajaan masih belum diperluaskan ke syarikat swasta," ujarnya.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyertu kepada syarikat swasta supaya mempertimbangkan pem-

berian elaun terhadap pelajar yang menjalani latihan industri di tempat mereka.

Sebelum ini, isu bayaran pelajar praktikal menjadi polemik susulan laporan mengenai seorang penuntut universiti awam menyuarakan keimbangan untuk bertahan sepanjang menjalani latihan industri.

Susulan itu, Kementerian Sumber Manusia memaklumkan akan meneliti isu bayaran atau elaun rendah kepada pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) yang menjalani latihan industri.